WIKIPEDIA

Bahasa Melayu Terengganu

Bahasa Melayu Terengganu (Jawi: بهاس ملايو ترڠضانو, Terengganu: **Base Ganu** atau **Base Tranung**) merupakan variasi Bahasa Melayu Tempatan yang dituturkan di pesisir timur Semenanjung Malaya, yakni dari Terengganu sehingga ke Kuantan serta Mersing di Johor. Peralihan Bahasa Terengganu ke Kelantan adalah di kawasan Besut, Terengganu di mana masyarakat kawasan tersebut menuturkan Bahasa Melayu Kelantan. Ia kadang-kala sukar dimengerti oleh penutur Bahasa Melayu yang lain, meskipun mempunyai banyak kosa-kata yang hampir serupa. Bahasa Melayu Terengganu ditulis menggunakan Aksara Rumi dan Jawi.

Bahasa Melayu Terengganu	
Base Ganu/Tranung بهاس ملايو ترڠضانو	
Dituturkan di	Malaysia
Wilayah	Terengganu
Penutur bahasa	1.0 juta (*tidak tercantum tanggal*)
Rumpun bahasa	Austronesia ▪ Melayo-Polinesia ▪ Melayik ▪ **Bahasa Melayu Terengganu**
Kode bahasa	
ISO 639-3	–

Negara Bagian Terengganu bewarna hijau muda, bahasa ini juga dituturkan sehingga kawasan timur Johor di selatan.

Contoh perbedaan

Lazimnya,kebanyakan perkataan Bahasa Melayu Terengganu mempunyai unsur penambahan akhiran **ng**. Kebiasaannya ia digunakan dalam perkataan yang berakhir dengan **n** ataupun **m**. Contohnya,

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Makan	Makang
Kamu	Mung
Malam	Malang
Selam	Selang

Vokal **a** di tengah suku kata terakhir perkataan digugurkan dan digantikan dengan vokal **o**. Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Teng**a**h	Tengoh
Per**a**k	Perok
Sekol**a**h	Skoloh
Sump**a**h	Supoh (konsonan m *digugurkan*)

Vokal **a** dihujung perkataan digugurkan dan digantikan dengan vokal **e** (hampir sama seperti Bahasa Melayu Johor-Riau). Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Lam**a**	Lame
Mas**a**	Mase
Bias**a**	Biase
Bagaimana	Guane (*kata khas yang seerti*)

Konsonan **m** dan **n** di tengah perkataan digugurkan. Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
La**m**pu	Lapu
Mena**n**tu	Menatu
Pa**n**tang	Patang
Tu**m**pah	Tupoh

Kata Penguat Terengganu

Loghat Terengganu juga mempunyai beberapa kata penguat yang unik bagi menunjukkan peri pentingnya sesuatu sifat atau keadaan tersebut. Contoh:

- **Warna**

Kata Penguat	Erti
Hitang Beletung	Terlalu Hitam
Putih Sepuk	Terlalu Putih
Kuning Sior	Terlalu Kuning
Meroh Nyale	Terlalu Merah

- **Bau**

Kata Penguat	Erti
Busuk Kohong	Terlalu Busuk
Hacing Pering	Terlalu Hancing

- **Rasa**

Kata Penguat	Erti
Masing Pekok	Sangat Masin
Manih Leting	Sangat Manis
Tawo Hebe	Sangat Tawar
Pahik Lepang	Sangat Pahit

- **Kata Sifat**

Kata Penguat	Erti
Musing Ketang	Keadaan tidak menentu
Guling Bating	Jatuh terguling-guling
Pendek Ketok	Sangat Pendek
Gemok Debok	Sangat Gemuk
Panjang Jeta	Sangat Panjang
Aluh Seriak	Sangat Kecil/Halus
Berak Nanang	Sangat Berat
Rengang Belepong	Sangat Ringan
Come Lote	Sangat Cantik
Besor Jalo	Sangat Besar

Pranala luar

- **(Melayu)** Kamus Bahasa / Seleng / Slang / Dialek / Loghat Terengganu (http://www.tourism.terengganu.gov.my/eterengganu/images/book/kamus.pdf)
- **(Melayu)** Kelas Cakak Trangganu dalam Youtube Media (https://www.youtube.com/watch?v=wOjF-XbolLY)
- **(Melayu)** Lagu Bahasa Terengganu - Blues Ganu Kite (dirintis awal 1990an) (https://www.youtube.com/watch?v=G1vZ3x8sC74)